SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA
KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi bekalan berikut:-

Bil.	Tajuk Kerja	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh dan Waktu Sebutharga Tutup
1	**SEBUTHARGA BAGI CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF UNIT BANGUNAN KEPADA PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR DI BLOK 84, FLAT PKNS, JALAN TIMUN 24/1, SEKSYEN 24, 40300 SHAH ALAM, SELANGOR** **NO. SEBUTHARGA :** **PPAS/PEMB/FLAT PKNS/NAIKTARAF/11/2026**	Bumiputera G2 CIDB: B04	**Tarikh buka** 23 November 2026 (Isnin) Jam 3.00 ptg **Tarikh tutup** 30 November 2026 (Isnin) Jam 12.00 tengahari *Borang adalah percuma
Taklimat sebutharga akan diadakan pada 23 November 2026 (Isnin) Jam 3.00 ptg di Dewan Serbaguna, Tingkat 3, Pustaka Raja Tun Uda, Jln Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor			

1. Syarikat hendaklah melampirkan **satu salinan dokumen berikut** semasa mengemukakan sebutharga:-
   i. **Sijil-sijil perdaftaran dalam bidang berkaitan; dan**
   ii **Penyata Bank 3 bulan terkini – Ogos 2026, September 2026 dan Oktober 2026.**

2. Syarikat sangat digalakkan **membuat lawatan tapak terlebih dahulu** supaya lebih jelas dan faham sebelum mengemukakan tawaran sebutharga.

3. Sebutharga adalah termasuk segala cukai dan apa-apa perbelanjaan yang berkaitan.

4. Pihak Perbadanan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan tidak perlu memberi sebab bagi menolak tawaran tersebut.

5. Pihak Perbadanan tidak akan melayan sebarang bentuk rayuan.

6. Hanya kontraktor yang berjaya sahaja akan dihubungi. Jika pihak kontraktor tidak menerima jawapan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh tutup sebutharga bermakna tawaran sebutharga tersebut adalah tidak berjaya.

7. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi: **En. Fahrurrazi – 013 3434034** | **En. Harizam – 017 9722283 | En. Shahir – 019 6094200**

8. Borang sebutharga yang telah dipenuhi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan mencatatkan perkataan **"SEBUTHARGA BAGI CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF UNIT BANGUNAN KEPADA PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR DI BLOK 84, FLAT PKNS, JALAN TIMUN 24/1, SEKSYEN 24, 40300 SHAH ALAM, SELANGOR"** – **NO. SEBUTHARGA: PPAS/PEMB/FLAT PKNS/NAIKTARAF/11/2026** di bahagian atas sebelah kiri sampul surat ke alamat seperti berikut:-

PENGARAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
D/A PUSTAKA RAJA TUN UDA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PENYELENGARAAN, TINGKAT 3
JALAN KELAB GOLF 13/6, 40100 SHAH ALAM

Tidak lewat jam **12.00 tengahari** sebelum atau pada **30 November 2026**

Pihak Perbadanan tidak akan bertanggungjawab ke atas kelewatan tawaran yang dibuat melalui pos.